

Oleh Aizat Sharif
mohd.aizat@mediapi-
ma.com.my
Kangar

Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 21 tahun dan lapan kali sebatan oleh Mahkamah Tinggi, di sini, semalam selepas didapati bersalah terhadap dua kesalahan merogol dan satu kesalahan merompak, kira-kira tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Abd Ghani Arshad, 32, didapati bersalah merogol seorang gadis (ketika itu) berusia 18 tahun sebanyak dua kali antara jam 9 malam hingga 10 malam dan antara jam 10.15 malam hingga 10.30 malam di dalam pondok tidak bernombor di Kampung Wai, Kuala Perlis, di sini, pada 29 Mei 2008.

Pesuruhjaya Kehakiman Abu Bakar Katar dalam penghakimannya memutuskan Abd Ghani melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376, Kanun Keseksaan dan menetapkan hukuman penjara 14 tahun dan enam kali sebatan untuk kedua-dua pertuduhan rogol berkenaan.



TERTUDUH ketika dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Kangar.

Harian Metro
12/9/2015
mls 23

FAKTA
Abd Ghani dibenarkan ikat jamin RM60,000 dengan dua penjamin sementara menunggu rayuan

Dipenjara 21 tahun

■ Lelaki didapati bersalah rogol, rompak gadis turut disebat 8 kali

Tertuduh yang berbaju-T berwarna putih dan berseleuar jeans lusuh sebelum itu tiba lewat ke mahkamah mengganggu faham terhadap keputusan mahkamah itu.

Selain kesalahan rogol, Abd Ghani yang bekerja sendiri turut dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun mulai semalam dan dua kali sebatan atas kesalahan me-

rompak rantai leher mangsa yang dirogolnya pada tarikh dan lokasi sama.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Abd Ghani didapati menggunakan senjata sabit terhadap mangsa ketika melakukan rompakan dan ia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 392, Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 397, kanun sama.

Manakala, bagi kesalahan merompak pula Abu Bakar menetapkan hukuman penjara tujuh tahun mulai semalam dan dua kali sebatan terhadap Abd Ghani.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan terhadap Abd Ghani, Abu Bakar membenarkan ikat jamin RM60,000 dengan dua penjamin sementara menunggu rayuan.